

SEPTEMBER 2022

<https://humanities.utm.my/islamic/>

AKADEMI TAMADUN ISLAM

MAJALAH Minda



Pameran dan
Seminar Seni Khat
& Jawi UTM 2022

Anugerah Canselor
Pelajar Akademi
Tamadun Islam

**FORUM
INTELEKTUAL
DIRAJA UTM:**
Membudayakan
Ketinggian
Adab Dalam
Melestarikan
Ketamadunan Ilmu



ISSN 2289-4551



FORUM INTELEKTUAL DIRAJA UTM

MEMBUDAYAKAN KETINGGIAN ADAB DAN
MELESTARIKAN KETAMADUNAN ILMU

Ogos 2022 (Selasa) bersamaan 11 Muharam 1444 H
Perpustakaan Raja Zarith Sofiah
UTM Johor Bahru



<https://humanities.utm.my/>

MENDIDIK & MENGINSEN

**UTM**
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

ISI KANDUNGAN

01 MINDA EDITOR

02 PEMBUKA KATA:

Dekan FSSH dan
Pengerusi ATI

03 HUNA WA HUNAK:

Kehidupan ATI

06 ARTIKEL PILIHAN

Bekerja sebagai Ibadah

08 Kebahagiaan menurut teori barat dan Islam

12 Beginilah muncul kehebatan Kesultanan Mamluk

18 ARTIKEL SEMASA

Ibrahim Ulama dalam Gerakan Kemerdekaan

20 BERITA AKTIVITI

32 BERITA AKADEMIK

40 PROFIL STAF

SIDANG REDAKSI

Penasihat:

Prof. Madya Dr. Nasrul Hisyam bin Nor Muhamad

Ketua Editor:

Prof. Madya Ahmad Kilani bin Mohamed

Pen. Ketua Editor:

Dr. Muhammad Talhah bin Ajmain @ Jima'ain

Ketua Editor

Prof. Madya Ahmad Kilani bin
Mohamed



Allah SWT mengutuskan baginda Muhammad SAW membawa risalah rahmat untuk seluruh alam. Menghayati risalah baginda Rasulullah, maka kita sebagai hamba Allah SWT berkewajipan menyebarluaskan rahmat ini kepada sesama manusia dalam kapakaran dan keupayaan yang kita miliki.

Hadirnya Majalah Minda setelah menyepi buat seketika dengan tujuan berkongsi perkembangan terkini Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UTM dengan berita yang berkaitan pengajaran, penyelidikan, penghasilan buku karya asli, penerbitan artikel jurnal, ceramah-ceramah kerohanian dan khidmat masyarakat yang melibatkan staf akademik dan staf sokongan dengan pelajar dan masyarakat dalam dan luar Universiti Teknologi Malaysia.

Adalah menjadi harapan keluarga Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UTM di kampus induk di Johor dan cawangannya di kampus Kuala Lumpur untuk berkongsi ilmu dan kepakaran yang dimiliki.

Semoga Allah SWT memberkati dan mengganjari dengan kebaikan duniawi dan ukhrawi semua pihak yang menjayakan penerbitan majalah ini.

Editor:

Dr. Nur Najwa Hanani binti Abd Rahman
Dr. Nasiibah binti Ramli
Cik Iffah Syadiyah binti Azman

Pembantu Editor:

Dr. Mohammad Naqib bin Hamdan
Pn. Hazlen binti Mohammad

Penerbitan:

En. Muhamad Farid bin Mohamad Isa
Pn. Suzana binti Hamzah

Pereka:

Pn. Fadhilah binti Othman



**Dekan Fakulti Sains Sosial
dan Kemanusiaan,
UTM Johor**

Prof Ts. Dr. Zaidatun Tasir

Assalamualaikum wbt.

Alhamdulillah, dan tahniah kepada pihak redaksi Majalah Minda ATI dan penerbitan Akademi Tamadun Islam (ATI) atas inisiatif menerbitkan majalah ini.

Moga penerbitan ini terus istiqamah dalam menyampaikan ilmu dan hikmah kepada pembaca dan masyarakat. Sesungguhnya, usaha menyebarkan ilmu yang murni ini perlu disebar luaskan dan disampaikan sejauh mungkin dan kepada semua masyarakat. Diharapkan kewujudan majalah ini menjadi salah satu alternatif yang dapat memberikan kesan dan impak kepada pembaca dan komuniti berkaitan dengan ilmu.

Harapan saya agar para staf dan pelajar terus memperluaskan kaloborasi dan menyumbang bakti kepada institusi dan masyarakat. Catatan dalam Majalah ini adalah sebahagian usaha yang baik untuk diteruskan dan diperkembangkan serta dikongsi agar ramai pihak dapat mengambil hikmah atas kewujudan ATI dan setiap "aset" kepakaran staf dapat dimanfaatkan. Di ATI, ilmu disebarluaskan dan diperluaskan selari dengan tagline FSSH "Mendidik dan Menginsan".

Bak kata Imam Al-Syafie:

"Ilmu adalah cahaya penyuluhan dalam kehidupan manusia. Dengan ilmu, ia dapat membimbing manusia ke arah kebaikan serta mengeluarkan diri manusia daripada kegelapan dan kejahilan kepada cahaya dan kebenaran."

Akhir kalam, mogal Majalah Minda ATI ini, menjadi wadah dan platform capaian ATI dengan pihak luar, pelajar dan pembaca.

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Ilahi, Majalah Minda Akademi Tamadun Islam (ATI) kini kembali beraksi dan diterbitkan. Moga dengan penerbitan kembali Majalah Minda dapat merakamkan peristiwa yang berlaku di Akademi Tamadun Islam sepanjang setahun ini bermula dari September 2021 sehingga September 2022. Kehadiran majalah ini menceritakan sebahagian bingkisan usaha kerja keras yang dipikul bersama-sama semua keluarga ATI dalam menyumbang bakti.

Harapan saya agar para staf dan pelajar terus meluaskan kaloborasi dan menyumbang bakti kepada masyarakat dan institusi. Setiap usaha yang dilakukan walaupun kecil, ada saham pahala dan ganjaran yang kita bakal terima. Setiap yang berusaha, akan ada hasil "tuaianya". Kita berdoa agar menjadi orang yang berusaha dan terus istiqamah.

Moga Majalah Minda ATI ini, menjadi wadah dan platform capaian ATI dengan pihak luar, pelajar dan pembaca. Akhir kata, ucapan tahniah kepada sidang redaksi penerbitan yang berusaha. Syabas sekali lagi.

**Pengerusi Akademi
Tamadun Islam,
FSSH UTM Johor**

Prof. Madya Dr. Nasrul Hisyam
bin Nor Muhamad





TAHNIAH! Kelahiran Cahaya Mata Baru

Tahniah diucapkan kepada **Dr. Mohammad Naqib bin Hamdan** atas kelahiran cahaya mata pada 28 April 2022.

Tahniah diucapkan kepada **Dr. Mohd Kairy Bin Kamarudin** atas kelahiran cahaya mata kembarnya pada 24 Julai 2022.

Kecemerlangan Ahli Keluarga

Tahniah diucapkan kepada **Puan Rohaini Yusliza binti Mohd Yusof** atas kecemerlangan anaknya iaitu **Nuraqilah Syahidah binti Jamalludin** yang telah mendapat Anugerah Naib Canselor UTEM pada 14 Mac 2022.

Tahniah diucapkan kepada **Dr. Abd. Rahman bin Hamzah** atas kecemerlangan anaknya, iaitu **Ulya Nafizah binti Abd Rahman** dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan memperoleh 10A 2B.

Tahniah diucapkan kepada **Prof Dr. Ajmain bin Safar** atas kejayaan anak, iaitu **Dr Muhammad Talhah bin Ajmain** yang berjaya menamatkan pengajian PhD dalam bidang Pendidikan Islam dengan status Graduate on Time (GOT), pada konvokesyen UTM kali ke-65 pada 25 Mei 2022.

Anugerah APC- CITRA KARISMA 2022

Tahniah diucapkan kepada **Dr. Abd Rahman bin Hamzah** atas penerimaan **Anugerah Seni Kreativiti (Kategori Akademik)** dengan menerima wang tunai RM3000.00, sijil dan trofi.

Tahniah diucapkan kepada **Prof. Dr. Farahwahida binti Mohd Yusof** atas penerimaan **Anugerah Tokoh Penerbitan** dengan menerima wang tunai RM 3000.00, sijil dan trofi.

Tahniah diucapkan kepada **Prof Madya Dr. Kamarul Azmi bin Jasmi** atas penerimaan **Anugerah Penerbitan (Anugerah Karya Buku Asli-Kategori Sains Sosial)** dengan judul bukunya "Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam Al-Nawawi" dengan menerima wang tunai RM500.00, sijil serta trofi.

Tahniah diucapkan kepada pensyarah yang menerima **Anugerah Penerbitan (Anugerah Penulis dalam Jurnal Berindeks Kategori Fakulti/Sekolah** iaitu **Dr. Mohammad Naqib bin Hamdan, Dr Norhidayu binti Mohd Zain, Dr. Nur Najwa Hanani binti Abd Rahman** dan **Dr Mansoureh Ebrahimi**.

Tahniah juga diucapkan kepada semua penerima **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang CITRA KARISMA** iaitu **Dr. Ahmad Muhyuddin Hj Hassan, Dr. Nur Najwa Hanani binti Abd Rahman, Dr. Zilal binti Saari, PM Dr. Mohd Fauzi Abu@Hussin** dan **Puan Fadzilah binti Lasim**.

Kenaikan Pangkat

Tahniah diucapkan kepada **Profesor Dr. Arieff Salleh bin Rosman** atas kenaikan pangkat Professor (VK07) pada 19 Disember 2021.

Tahniah diucapkan kepada **Prof. Madya Dr. Sulaiman Shakib bin Mohd Noor** dan **Prof. Madya Dr. Mansoureh** di atas kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya (GRED DS54), pada 27 April 2022.

Tahniah diucapkan kepada **Encik Mohd. Hazriq bin Yahya** atas kenaikan pangkat sebagai pembantu tadbir (GRED N22), berkuatkuasa mulai 5 Mac 2022.

Penerimaan Geran Luar

Tahniah diucapkan kepada penerima geran Penyelidikan Parlimen Jerantut sebanyak RM20 000.00 iaitu **Prof. Dr. Badlihisham bin Mohd Nasir** pada 22 November 2021.

Begini juga kepada **Dr Nur Najwa Hanani bin Abd Rahman, Dr. Aminudin bin Hehsan** dan **PM Dr. Mohd Fauzi bin Abu @ Hussin** sebagai penerima Geran Penyelidikan dan Perundingan dari Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim

Sekalung

Penghargaan

- Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada **Puan Rohaini Yusliza binti Mohd Yusof** yang telah berpindah dari T07 ke C22 pada 9 Mei 2022 atas perkhidmatan beliau sepanjang di ATI.

1) **Prof. Madya Dr. Aminudin bin Ruskam** (Beliau mula menyandang jawatan pada 20 Disember 1986 hingga 26 Mac 2022).

2) **Dr. Wan Hassan bin Wan Embong** (Beliau mula menyandang jawatan pada 9 Disember 1998 hingga 21 April 2022).

3) **Ustaz Wan Ali bin Wan Jusoh** (Beliau mula menyandang jawatan Pensyarah Kanan pada 19 September 1990 hingga 25 Ogos 2022).

4) **Dr. Azhar bin Yaakub** (Beliau mula menyandang jawatan Pensyarah Kanan pada 15 Jun 2009 hingga 28 Februari 2022).

5) **Prof. Dr. Kamaruzaman bin Yusof** (Beliau mula dilantik sebagai Profesor (VK07) secara tetap pada 24 Jun 2013 hingga 20 Julai 2021).

6) **Encik Abdul Razak bin Hassim** (Beliau mula menyandang jawatan pada 1988 hingga 2022).

7) **Ustaz Sayed Mahussain bin Sayed Ahmad** (Beliau mula menyandang jawatan pada 19 Ogos 1985 hingga 27 Disember 2021).

8) **Prof. Madya Dr. Hussin bin Salamon** (Beliau mula menyandang jawatan pada 1 September 1992 hingga 1 November 2021).

9) **Datuk Dr. Norhafizah binti Musa** (Beliau mula menyandang jawatan pada 3 Oktober 2000 hingga 2 Mei 2022).

Perlantikan Baru



Tahniah diucapkan kepada **Dr. Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain** atas perlantikan baru sebagai pensyarah kanan pada 2 Feb 2022.



Tahniah diucapkan kepada **Dr. Diya ud Deen Deab Mahmoud Al Zitawi** atas penyambungan perlantikan semula sebagai pensyarah kanan pada 2 Feb 2022.



Tahniah diucapkan kepada **Puan Hazlen binti Mohammad** atas pertukaran semula dari UTM Kuala Lumpur ke UTM Johor Bahru sebagai Setiausaha Pejabat Akademi Tamadun Islam pada 9 Mei 2022.

Pelajar Latihan Industri



Pada 18 Julai 2022, Akademi Tamadun Islam telah menerima seorang pelajar Latihan Industri iaitu **Cik Iffah Syadiyah binti Azman** yang berkhidmat selama dua bulan iaitu dari 18 Julai hingga 4 September 2022.

Staf Menunaikan Umrah dan Haji

Semoga diterima segala amalan dan diberikan umrah dan haji yang mabruur kepada 2 orang staf ATI yang telah selamat kembali dari Tanah Suci Mekah untuk menunaikan Haji dan Umrah iaitu:

- **Prof. Madya Dr. Nasrul Hisyam bin Nor Muhamad** menunaikan fardhu haji pada (3 Julai 2022 – 16 Ogos 2022)
- **Dr. Idris bin Ismail** telah menunaikan Umrah (29 April 2022 - 7 Mei 2022)
- **Dr. Abdul Rahman bin Hamzah**, telah menunaikan Umrah (3 September 2022 - 15 September 2022)



BEKERJA SEBAGAI IBADAH

/Dr. Nur Najwa Hanani binti Abd Rahman

Manusia merupakan satu-satunya makhluk dicipta Allah s.w.t dengan pelbagai kelebihan dan potensi. Dengan kelebihan dan potensi yang dikurniakan akan membolehkan mereka berusaha untuk memastikan pencapaian kejayaan yang berterusan melalui pelbagai pekerjaan.

Namun begitu pada hari ini, walaupun manusia berjaya mencapai pelbagai kejayaan melalui pekerjaan yang dilakukan, tetapi jika tidak bersandarkan kepada tuntutan Islam pasti mereka tergelincir ke lembah kemusnahan yang akan berakhir dengan kegagalan.

Hal ini adalah kerana kebanyakkan manusia pada hari ini tidak meletakkan kerja yang dilakukan sebagai ibadah. Ibadah ialah tunduk, patuh dan taat kepada Allah s.w.t. Di mana umat Islam terikat atau iltizam dengan segala perintah Allah dan Larangan-Nya dengan penuh kesedaran ingin menjaga batas-batas hukum halal dan haram.

Ibadah itu luas merangkumi segala aspek dalam kehidupan. Jika dilihat pada hari ini, ramai yang melakukan kerja hanya semata-mata untuk mengejar dunia. Selain itu bekerja juga dengan tujuan untuk

kehidupan tetapi lupa akan tanggungjawab sebagai khalifah atau tujuan sebenar penciptaan manusia di muka Bumi.

Selain itu juga, pekerjaan yang dilakukan orang setiap individu dan natijah daripada pekerjaan berkenaan tidak mampu meningkatkan martabat keinsanan dan mendekatkan diri kepada Tuhan. Sebaliknya, ia akan menjurus kepada kemusnahan nilai-nilai keinsanan dan juga sumber fizikal alam jika tidak meletakkan konsep kerja itu sebagai suatu ibadah dalam diri.



Pekerjaan dari perspektif Islam merujuk kepada proses untuk mencapai ke arah yang lebih cekap dan sempurna dengan tujuan untuk mencapai keredhaan Allah serta memakmurkan kehidupan dalam memperoleh kebahagian di dunia dan akhirat. Justeru, melalui penciptaan pelbagai jenis pekerjaan bukan setakat untuk memenuhi diri sendiri, keluarga dan organisasi setempat tetapi perlu diperkembangkan bagi memenuhi keperluan sejagat dengan mewujudkan pelbagai rangkaian kegiatan. Segala tindakan dan keputusan yang diambil sentiasa berpedomanan firman Allah dalam surah al-Mulk ayat ke 15 yang bermaksud:

"Dia lah Yang menjadikan bumi bagi kamu: mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki Yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah), kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmat-Nya dan takutlah kemurkaan-Nya)".

Islam bukan hanya menuntut umatnya supaya menjalankan pelaksanaan sahaja, tetapi Islam juga memastikan kecemerlangan diperoleh dalam setiap pekerjaan yang dibuat atau telah dipertanggungjawabkan untuk mereka menguruskannya. Sebagai seorang yang beragama Islam haruslah hidup berlandaskan ajaran Allah (s.w.t) dan menjadikannya panduan dalam setiap aspek pentadbirannya dan seharusnya sentiasa berazam untuk memastikan kecemerlangan, memberikan hasil atau perkhidmatan yang terbaik untuk umatnya

walaupun terpaksa mengorbankan keperluan sendiri.

Bagi mencapai tujuan kerja sebagai ibadah, setiap individu perlu diberi peluang untuk mempamerkan potensi yang ada dalam diri mereka bagi mencapai produktiviti yang lebih tinggi seterusnya berjaya mencapai matlamat yang dikehendaki. Kemampuan mereka untuk membangunkan potensi bergantung kepada kekuatan kreativiti dan inovasi yang dimiliki oleh seseorang individu Muslim berlandaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah serta ajaran yang telah di bawa oleh Nabi Muhammad s.a.w yang membawa rahmat kepada seluruh alam. Dalam konteks ini, Allah (s.w.t) telah berfirman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 269 bermaksud:

"Allah memberikan hikmat kebijaksanaan (ilmu Yang berguna) kepada sesiapa Yang dikehendaki-Nya (menurut aturan Yang ditentukan-Nya). dan sesiapa Yang diberikan hikmat itu maka Sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan Yang banyak. dan tiadalah Yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang Yang menggunakan akal fikirannya".

Justeru itu, marilah kita bersama-sama kembali kepada tanggungjawab yang diamanahkan sebagai khalifah Allah di muka bumi ini dengan membetulkan niat dan tujuan kita bekerja. Kerja sebagai suatu ibadah. Kerja sebagai tujuan untuk kita mencapai keredhaan Allah s.w.t. serta memperoleh kebahagian di dunia dan akhirat. Kembalikan tujuan kita berkerja untuk apa??

KEBAHAGIAAN MENURUT TEORI BARAT DAN ISLAM

/ Zilal binti Saari, Farahwahida binti Mohd Yusof,
Siti Norlina binti Mohd Yusof, Mohd Nasir bin Ripin

Pengenalan

Kebahagiaan ditakrifkan sebagai keadaan kesejahteraan dan kepuasan atau dapat didefinisikan sebagai pengalaman menyenangkan atau memuaskan. Namun menurut psikologi, kebahagiaan sering ditakrifkan apabila seseorang mengalami emosi positif lebih kerap berbanding emosi yang negatif. Walau bagaimanapun, reaksi mungkin berbeza bagi setiap orang yang membawa erti bahawa orang yang bahagia boleh memproses keadaan dengan cara berbeza dan menterjemahkannya dengan emosi atau reaksi yang berbeza. Artikel ini akan mengulas teori-teori yang menggambarkan kebahagiaan iaitu model PERMA oleh Seligman (2000), Teori kebahagiaan oleh Iman Ghazali (1910) dan enam model faktor kesejahteraan psikologi oleh Ryff (2006).

Model PERMA (Seligman, 2000)

Model PERMA telah dicadangkan oleh Martin Seligman pada tahun 2000 di mana Seligman percaya bahawa terdapat 5 elemen yang dapat membantu seseorang mencapai kebahagiaan. Lima elemen tersebut adalah emosi positif, keterlibatan, hubungan, makna dan pencapaian. Kesemua lima elemen ini adalah penting untuk menentukan kebahagiaan seseorang. Emosi positif dicirikan oleh keupayaan untuk mempunyai pandangan perspektif yang optimis dan positif pada masa lalu, masa kini dan masa depan. Beberapa kajian telah membuktikan bahawa pandangan positif dalam kehidupan dapat meningkatkan kreativiti dan membantu hubungan dan kerja. Selain itu, perasaan keseronokan dan kegembiraan juga menjadi sebahagian daripada emosi positif. Kesenangan dan keseronokan mempunyai dua makna yang berbeza di mana keseronokan boleh ditakrifkan dengan memuaskan keperluan fizikal untuk kelangsungan hidup seperti makan dan tidur.

Bagaimanapun kegembiraan merujuk kepada rangsangan intelektual dan kreativiti yang hanya boleh dicapai oleh rangsangan dalaman. Kehadiran emosi positif akan membantu seseorang untuk menikmati tugas mereka dalam kehidupan kerana ini akan membantu mereka untuk bertahan dengan lebih banyak ujian dan kesusahan dalam hidup.

Unsur kedua adalah keterlibatan yang dapat ditakrifkan sebagai menciptakan 'aliran' yang bahagia ke dalam tugas atau aktiviti. Menurut Csikszentmihalyi, aliran dapat dicirikan dengan memberi sepenuhnya perhatian kepada tugas di mana ia memberikan ganjaran intrinsik dan tugas itu boleh dilakukan dengan mudah. Pengalaman 'aliran' ini boleh berbeza dari seorang dengan orang yang lain di mana aktiviti itu boleh bermula dari aktiviti dalaman ke luaran. Seterusnya adalah hubungan yang juga dapat ditentukan sebagai sambungan sosial dalam masyarakat.

Unsur keempat adalah makna dimana tujuan hidup adalah penting untuk menjalani hidup kebahagiaan. Mempunyai makna atau tujuan hidup memberikan anda kekuatan yang membantu anda meneruskan kehidupan dan aspek ini memberi kesan yang lebih besar terhadap prestasi kerja dan lain-lain aspek yang mempunyai tujuan akan membantu seseorang untuk menikmati tugas mereka dan menjadikan mereka lebih puas dan gembira. Elemen terakhir adalah pencapaian dimana matlamat dan cita-cita dalam kehidupan sangat membantu seseorang untuk mencapai sesuatu akan memberi mereka kejayaan.

Dengan ini, pencapaian akan meningkatkan rasa kepuasan seterusnya mampu meningkatkan prestasi kebahagiaan hidup. Sinergi lima elemen ini akan membantu seseorang untuk menjadi lebih baik dan memperolehi kehidupan bermakna.

(Model Faktor Faktor Psikologi (Ryff, 2009)

Enam model faktor kesejahteraan psikologi yang telah dibangunkan oleh Carol Ryff pada tahun 2009 yang menentukan enam faktor yang boleh menyumbang kepada kesejahteraan psikologi individu, kebahagiaan dan kepuasan. Enam faktor tersebut adalah hubungan positif dengan orang lain, penguasaan peribadi, autonomi, perasaan mempunyai tujuan dan makna dalam kehidupan, dan pertumbuhan diri dan pembangunan. Model enam faktor ini juga terbukti menjadi model lintas budaya di mana model itu berjaya diuji dalam empat penduduk iaitu Sepanyol, Columbia, Sweden dan Hong Kong.

Penerimaan diri adalah apabila seseorang mempunyai sikap positif terhadap diri mereka sendiri mereka boleh menerima kekuatan serta kelemahan mereka. Mereka juga tidak menyesal mengenai masa lalu mereka dan tidak mahu menjadi individu yang berbeza daripada siapa mereka. Konsep kedua ialah pertumbuhan peribadi di mana individu dengan pertumbuhan diri yang tinggi melihat diri mereka berkembang dalam arah positif dan bergerak ke arah potensi mereka. Mereka juga sedar bahawa mereka menjadi lebih matang kerana mereka meningkatkan pengetahuan diri mereka dan mempelajari kemahiran baru. Memenuhi konsep

pertumbuhan diri ini dapat meningkatkan rasa pencapaian dan motivasi untuk mengejar lebih banyak lagi kejayaan dalam kehidupan seterusnya boleh membawa kepada kebahagiaan dan kepuasan.

Faktor ketiga adalah mempunyai maksud tujuan dalam kehidupan di mana individu mempunyai erti dan tujuan yang tinggi dalam melihat kehidupan mereka dengan tafsiran bermakna. Ini bermakna mereka merasakan mereka perlu membuat perbezaan di dunia dan sering merasa lebih berkaitan dengan idea atau pergerakan sosial yang lebih besar daripada diri sendiri. Dengan mempunyai maksud tujuan, mereka merasa lebih banyak hubungan dan pemenuhan ketika melakukan sesuatu pekerjaan atau tugas yang membawa kepada kepuasan yang lebih baik daripada orang yang tidak mempunyai tujuan. Faktor keempat adalah mempunyai penguasaan terhadap alam sekitar di mana ia dapat dijelaskan sebagai tahap seseorang merasa kompeten untuk memenuhi permintaan keadaan mereka. Ini erti orang yang mempunyai rasa pengertian yang tinggi terhadap keadaan merasakan bahawa mereka mempunyai cukup sumber dan kapasiti untuk mengatasi, serta menyesuaikan diri dengan masalah mereka dan mereka tidak terganggu dengan tekanan.

Faktor kelima adalah rasa autonomi di mana orang-orang yang mempunyai autonomi rasa lebih bebas, berdikari dan boleh berfikir atau membuat keputusan untuk diri mereka sendiri. Orang yang mempunyai rasa autonomi yang tinggi lebih bahagia kerana mereka memilih apa yang

mereka mahu dengar dan mereka sedar daripada apa yang mereka boleh atau tidak boleh berubah. Mereka tidak mempunyai keperluan yang kuat untuk mengikut kata orang sekeliling dan mengurangkan masa mereka untuk bimbang tentang apa yang orang fikirkan tentang mereka. Faktor keenam adalah hubungan yang berkualiti dengan yang orang lain. Faktor ini ditakrifkan sebagai seseorang itu dapat merasakan hubungan dengan orang lain, mengalami keintiman dan merasa sangat disayangi. Orang yang mempunyai hubungan positif lebih mudah untuk mempercayai dan berkongsi perasaan mereka, maka dengan itu dapat meningkatkan rasa kesejahteraan seseorang.

Teori Kebahagiaan oleh Imam Al-Ghazali (1910)

Imam Ghazali menyatakan dalam bukunya Kimia Kebahagiaan, kebahagiaan datang dari pengetahuan diri di mana seseorang sedar bahawa dia mempunyai hati yang pada mulanya sempurna namun telah dirosakkan oleh nafsu. Untuk mencapai kebahagiaan yang terbaik seseorang memerlukan proses penyucian diri dari hawa nafsu dan hasrat dunia agar hati mereka dapat dipulihkan menjadi yang baru. Selain itu, Imam al-Ghazali memberikan contoh yang baik mengenai tafsirannya berkenaan manusia iaitu: "Tubuh boleh dianggap sebagai kerajaan, jiwa (hati/semangat) sebagai raja dan indra yang berbeza bertindak sebagai fakulti". Kebahagiaan bergantung kepada fakulti seseorang yang jika mereka menggunakan fakulti yang lebih tinggi seperti penalaran dan imaginasi mereka akan mengalami

kebahagiaan lebih daripada ketika mereka menggunakan yang lebih rendah untuk keseronokan fizikal.

Semua orang di dunia ini dilahirkan "Mengetahui kesakitan dalam jiwa" yang inilah sebab mengapa orang terus mencari kebahagiaan atau penyembuhan, namun hanya dengan pengetahuan Tuhan dapat menyelesaikan masalah itu kerana rasa sakit terkait dengan rohani dan bukan keseronokan yang dapat kita capai dari kesenangan tubuh. Kenyataan ini juga mencerminkan ayat di dalam Al-Quran di mana Allah SWT berfirman bahawa:

"Orang-orang yang beriman, dan yang hatinya mencari kepuasan dalam mengingati Allah: tanpa ragu-ragu mengingat Allah hati mendapat kepuasan".

(Al-Quran, surah ar-Ra'd : 28).

Ayat ini menunjukkan bahawa dengan mempunyai hati yang sentiasa mengingati Allah SWT, maka seseorang akan dapat mengecapi rasa kebahagiaan itu. Selain itu, semua umat Islam yakin dan percaya bahawa kebahagiaan yang sebenar adalah apabila kita dapat memperoleh syurga yang telah dijanjikan oleh Allah.

Allah SWT berfirman:

"Dan adapun orang-orang yang berbahagia, maka (tempatnya) di dalam surga; mereka kekal di dalamnya".
(Surah Hud:108)

Maka bagi muslim yang benar-benar beriman kepada Allah, kebahagiaan bukanlah apa yang dapat diukur dari sudut fizikal atau keduniaan tetapi bahagia sejati adalah apabila Allah memberikan taufiq dan hidayah sehingga kita ditunjukan jalan yang lurus oleh Allah ke syurga. Kenyataan ini disokong oleh satu hadis yang shohih dimana Nabi Muhammad saw bersabda:

"Barangsiaapa dikehendaki baginya kebaikan oleh Allah, Maka Dia akan memberikan kefahaman dalam agama kepadanya".

(Diriwatkan oleh sahabat Muawiah, muttafaqun 'alaihi. Shahih Bukhari: 71 dan Shahih Muslim: 1037)

Kebaikan inilah yang memberi muslim kebahagiaan iaitu taufiq dan hidayah Allah. Bukanlah kebaikan yang dimaksudkan ini berupa wang ringgit atau harta tetapi kebaikan ini adalah kefahaman dalam agama.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, kebahagiaan adalah gabungan pemenuhan fizikal dan rohani di mana akhirnya seseorang perlu mencari kedua-dua aspek untuk mencapai kebahagiaan. Kebahagiaan bukanlah kata-kata dan tindakan kendiri sahaja tetapi pendekatan secara holistik dari alam sekitar ke rangkaian sosial dan psikologi diri dan orang lain sekeliling.

RUJUKAN

Ghazzālī and HOMES, H. (1873). The Alchemy of Happiness, by Mohammed Al-Ghazzali, the Mohammedan philosopher. Translated from the Turkish [abridgment of the Persian original], by H.A. Homes. (In advance of the Transactions of the Albany Institute, vol. VIII.). Albany, N.Y.

Pascha, M. (2018). The PERMA Model: Your Scientific Theory of Happiness. [online] Positivepsychologyprogram.com. Available at: <https://positivepsychologyprogram.com/perma-model/> [Accessed 31 Oct. 2018].

Ryff, C. (1995). Psychological Well-Being in Adult Life. Current Directions in Psychological Science, 4(4), pp.99-104

BEGINILAH MUNCUL KEHEBATAN **KESULTANAN MAMLUK**

/Dr. Diaya Uddin Deab Mahmoud al Zitawi

PENGENALAN

Dalam artikel ini penulis cuba mengimbau kembali perjalanan hebat satu kebangkitan. Sejarah yang tidak ketahui oleh orang ramai. Zaman pemerintahan kerajaan Mamluk merupakan sejarah yang lama tersembunyi dari pengatahanan umum, hingga sekian lama tidak menjadi contoh tauladan yang boleh diikuti oleh umat Islam. Kerajaan Mamluk telah membawa nafas baru dalam sejarah politik Islam, berikutan kejayaan mereka mengalahkan tentera Mongol di 'Ayn Jalut pada 25 Ramadan 658H/3 September 1260M. Kejayaan mereka menentang tentera Mongol adalah pencapaian, terbesar dalam sejarah dunia Islam kerana selepas kejatuhan kota Baghdad, Mamluk adalah satu-satunya kerajaan Islam yang berjaya menyekat kemaraan Mongol ke atas negara-negara Islam. Malah secara tidak langsung, ia juga menyekat kemaraan tentera Mongol menuju ke kawasan sebelah barat. Peranan yang dimainkan oleh kerajaan Mamluk dalam menyekat kemaraan tentera Mongol dan menghalau keluar tentera Salib telah mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah kerajaan Islam unggul selepas kejatuhan kota Baghdad.

SEJARAH KEMUNCULAN KESULTANAN MAMLUK

Sultan al-Soleh Najm al-Din al-Ayub(mati 647H) yang menjadi pemerintah Mesir telah memutuskan untuk membentuk elemen baru pasukan tentera Ayubi. Baginda telah membina keanggotaan yang terdiri dari bangsa Kurdis, Turkmen, Arab, dan tentera upahan al-Khwarizmi yang berasal dari Asia Tengah dengan membuat penambahan memasukkan orang-orang Turki yang dibawa dari negara-negara Qafjaq di Asia Tengah. Sultan Najmuddin melantik sebilangan pedagang hamba untuk membeli hamba bangsa Turki dari negara asalnya.

Kemunculan orang Mughal yang menyerang orang Turki menyebabkan mereka berhijrah dari negara asalnya di timur ke negara-negara Islam di sebelah barat. Dalam masa penghijrahan, ramai yang ditawan dan menjadi hamba yang di jual beli oleh peniaga hamba. Keadaan mereka sebagai hamba membuka ruang bagi kerajaan Ayubi untuk membeli orang Turki dan melatih mereka menjadi tentera Ayubi dan bertempur dalam peperangan dengan musuh.

Tentera yang terdiri daripada pasukan orang Turki kemudian di gelar sebagai Mamluk Bahriah. Gelaran ini diberikan kerana mereka ditempatkan di sebuah

pulau berdekatan dengan sungai Nil. Pasukan tentera Mamluk membuktikan kehebatan dan kecekalan dengan pantas apabila membantu Sultan Najmudin memperolehi semula wilayah Syam. Tentera Mamluk juga berjaya menghalau tentera Salib dari kota Baitul Maqdis dalam peperangan terkenal yang dinamakan perang Harbiah. Peperangan ini juga dikenali dengan nama Laforbih dalam kalangan ahli sejarah barat pada tahun 642H. Tentera Mamluk berjaya mengukir nama dalam sejarah sekali lagi apabila bertempur dengan tentera Salib dalam sarangan ke atas bandar Mansorah dan bandar Demiat di Mesir. Dalam bertempuran tersebut mereka berjaya menewaskan tentera Salib yang diketuai oleh raja Perancis masa itu Raja Luis Kesembilan, yang turut ditangkap dan dihina.

Ketika kejayaan tentera Mamluk ini, berlaku peristiwa yang tidak disangka oleh semua pihak iaitu Sultan al-Soleh Najmudin al-Ayubi yang menjaga tentera Mamluk meninggal dunia. Pasukan tentera Mamluk berpendapat bahawa mereka lah yang paling berhak memerintah selepas kematian Sultan al-Soleh Najmudin, terutama apabila pemerintahan negara Mesir jatuh ke tangan putra tunggal Sultan iaitu Sultan Toran Shah. Beliau yang melihat pasukan tentera Mamluk sebagai ancaman yang perlu dihapuskan, namun tentera Mamluk bertindak lebih pantas dan membunuh Sultan Toran Shah sebelum beliau sempat mengambil tindakan. Peristiwa pembunuhan tahun 648H/1250M itu menjadi permulaan bangsa Mamluk memerintah Mesir.

Meskipun Mamluk memegang tampuk pemerintahan, namun mereka masih berpegang teguh pada peraturan lama yang ditetapkan oleh kerajaan Ayubi terhadap mereka. Peraturan yang tegas ini mengatur kehidupan seorang Mamluk bermula dari awal pagi hingga kembali ke tempat tidur setiap hari. Ketetapan ini berjaya membentuk sahsiah Mamluk menjadi orang yang berdisiplin tinggi dan mempunyai pegangan agama yang kukuh.

PENDEKATAN PENDIDIKAN

Al-Maqrizi dalam kitabnya yang bertajuk al-Mawaiz wal Iktibar menjelaskan secara berkesan sistem pendidikan Mamluk. Para Mamluk mengikuti satu sistem pendidikan yang memberi penekanan kepada dua aspek iaitu rohani dan fizikal. Mereka dididik dengan membentuk keimanan yang mantap dan melengkapkan kemahiran ketenteraan yang tinggi. Pembinaan peribadi dan ilmu peperangan ini berlaku dalam persekitaran istana dan telah bermula sejak pertama kali dibawa oleh perdagang hamba.

Pendekatan pendidikan menarik ini ialah:

- i. Mereka perlu menghadap sultan
- ii. Kemudian di bawa tinggal dengan para Mamluk yang lain yang sama bangsa.
- iii. Kemudian diserahkan kepada seorang guru yang digelar sebagai tawasyi.

Para Mamluk yang masih kecil akan diajar ilmu:

- i. Membaca Al-Quran.
- ii. Kemahiran menulis.
- iii. Pelajaran akhlak dan adab seperti termaktub dalam buku agama.

- iv. Mereka diwajibkan untuk solat pada waktunya.
- v. Mengamalkan zikir-zikir yang tertentu secara berterusan.

Apabila seorang Mamluk menjadi remaja mereka akan di ajar ilmu fikah. Apabila menjadi dewasa mereka akan diajar ilmu berkaitan peperangan. Setiap kumpulan Mamluk akan diserahkan kepada jurulatih yang mengajar kemahiran peperangan.

Al-Maqrizi juga menceritakan tentang perlaksanaan kaedah pendidikan yang dilaksanakan. Perlaksanaan disiplin sangat ditiak beratkan. Setiap detik kehidupan harian Mamluk diawasi dengan ketat yang dilakukan oleh tiga orang penjaga. Mereka akan menegur dan memarahi apabila Mamluk berkeadaan cuai dan melanggar peraturan yang telah ditetapkan.

Al-Maqrizi membuat penilaian dengan kritis dan tajam. Beliau membuat kesimpulan bahawa kesan pendidikan yang ketat dan tegas berjaya membentuk sahsiah para Mamluk. Hasilnya membantu mereka menjadi pemerintah yang berkesan, panglima perang yang bersungguh berjihad di jalan Allah SWT, dan ahli politik yang berkelibar.

PERANAN INSTITUSI WAKAF

Di zaman kerajaan Mamluk hubungan antara pemerintah dan ulamak sangat erat. Dalam banyak perkara sultan menunjukkan penghormatan kepada ulamak serta meletakkan mereka pada kedudukan yang tinggi. Pemerintah bersungguh-sungguh

membangunkan projek-projek wakaf dalam pelbagai aspek seperti dalam institusi agama dan pendidikan dengan peruntukan yang tinggi. Hal yang demikian ini menyebabkan perkembangan dan kemajuan yang lebih baik berbanding di era pemerintahan Ayubiah. Implikasi daripada sistem sokongan yang berkesan ini memudahkan urusan perkembangan agama seperti penyebaran ilmu yang lebih meluas dan pembiayaan pelajar lebih berkesan, di samping mencari keredhaan Allah SWT untuk mendapat ganjaran syurga. Namun begitu ada juga sebahagian mereka yang terlibat demi meraih sokongan masyarakat untuk kepentingan politik. Walaupun pelbagai tujuan disebalik pembangunan institusi wakaf tersebut, manfaat tetap diperolehi oleh para ulamak dan pelajar.

Pada era pemerintahan Mamluk terdapat pelbagai jenis wakaf seperti masjid, sekolah, hospital, perpustakaan, tempat penginapan, kedai makan, dan lain-lain. Hal yang demikian ini kadangkala mendapat halangan juga daripada sesetengah pihak. Pernah kerajaan Mamluk membangunkan sebuah institusi wakaf yang mendapat tentangan dari ulamak seperti apa yang berlaku pada tahun 665H/1267M apabila Sultan al-Zahir Bibars membuka semula masjid Al-Azhar, bertepatan 100 tahun setelah Sultan Salahuddin al-Ayubi mengarahkan penutupan. Pernah kerajaan Mamluk mendapat tentangan dari ulamak seperti yang berlaku pada tahun 665H(1267M) ketika Sultan al-Zahir Bibars membuka semula masjid al-Azhar (Universiti al-Azhar). Hal yang demikian ini

bertepatan 100 tahun setelah Sultan Salahudin al-Ayubi mengarahkan penutupannya.

Kesungguhan golongan Mamluk membina dan membangun institusi-institusi wakaf menunjukkan usaha Mamluk tidak hanya tertumpu pada pengembangan kemahiran peperangan dan politik sahaja. Sebahagian mereka menyumbang dalam bentuk pengajaran ilmu agama serta penulisan disamping turun ke medan menjadi penglima perang yang hebat. Sumbangan pemerintahan Mamluk dalam bidang keagamaan yang diperakui oleh tokoh-tokoh sejarah, membuktikan pandangan sebilangan orang yang menganggap tahap ilmu yang sangat rendah pada era kerajaan Mamluk adalah tidak benar.

KEJAYAAN PENDIDIKAN MAMLUK

Peninggalan besar kerajaan Mamluk dalam lipatan sejarah ialah kejayaan menyekat kemaraan Mongol daripada merebak ke sebelah barat selepas kejatuhan Baghdad dan pembebasan Palestin daripada tentera Salib. Pendidikan telah berjaya membentuk orang-orang Mamluk dengan menghasilkan jiwa-jiwa besar yang beriman dan tentera yang hebat. Berikut adalah beberapa tokoh kerajaan Mamluk:

1. Shajarah Al-Dur

Setelah anak Sultan Najmudin putra Toran Shah berjaya dibunuh oleh pasukan Mamluk, mereka bersepakat memilih Shajarah Al-Dur menjadi pemerintah Mesir. Bermulalah pemerintahan kerajaan

Kesultanan Mamluk pada tahun 648 hingga 923H (1250-1519M). Menurut al-Maqrizi dalam buku sejarahnya yang berjudul al-Suluk, bahawa Shajarah Al-Dur adalah merupakan pemerintah Mamluk yang pertama.

Shajarah Al-Dur merupakan wanita yang kedua dalam sejarah Islam yang menjadi ketua pemerintah negara Islam. Wanita pertama yang pernah menjadi pemerintah ialah Sultanah Arwa binti Ahmad al-Sulaihi, yang memerintah kerajaan al-Sulaihi di Yaman selama 40 tahun (484-532H/1091-1138). Kerajaan al-Sulaihi pada masa berada di bawah kekuasaan kerajaan Fatimiah di Mesir.

Walaupun Shajarah Al-Dur bukan perempuan yang pertama menjadi pemimpin negara dalam sejarah dunia Islam, namun perlantikan beliau mendapat bantahan daripada rakyat Mesir. Mereka tidak dapat menerima wanita menjadi pemerintah negara. Tekanan yang hebat daripada rakyat memaksa Shajarah Al-Dur berundur dan menyerahkan kuasa kepada suaminya yang merupakan seorang Mamluk. Dengan ini Sultan Izzudin Aybak menjadi pemerintah Mamluk yang pertama pada tahun 1257M.

Tokoh sejarah Badruddin al-Aini menyebut dalam bukunya yang berjudul Aqdu Juman tentang titik peralihan ini dengan mengatakan bahawa pemerintahan perlantikan Izzudin Aybak menjadi sultan menandakan berakhirnya kerajaan Ayubi dari bangsa Kurdish dan bermulanya kerajaan Mamluk yang berbangsa Turki.

Sejak itu para Mamluk membawa tanggungjawab kepimpinan memerintah jantung dunia Islam yang merangkumi wilayah Syam, Hijaz dan Mesir. Kawasan ini turut mengandungi ketiga-tiga masjid suci iaitu Masjid al-Haram, Masjid al-Nabawi dan Masjid al-Aqsa. Wilayah jagaan juga turut meliputi keselamatan dua laut utama iaitu laut Merah dan laut Mediterranean.

2. Argon

Buku sejarah banyak yang meriwayatkan pelbagai kisah ketika pemerintahan Mamluk dalam pelbagai ilmu seperti agama, seni, karya dan penulisan. Para membaca akan mengagumi dengan apa yang dilakukan oleh putra Argon Shah yang gemar membeli buku walaupun dengan harga yang sangat mahal. Beliau telah mengumpul sejumlah buku yang banyak. Pernah di suatu masa ketika Argon Shah memegang jawatan tertinggi di wilayah Halab, beliau mendengar bahawa waris seorang putra Mamluk yang baru kematian ayahandanya ingin menjual perpustakaan yang baru diwarisi. Argon Shah sanggup membeli dengan tawaran harga berjumlah 2000 Dinar. Menurut al-Safadi jumlah wang tersebut dianggarkan hari ini bersamaan USD450,000.

3. Ibn Khasbik

Tokoh sejarah Ibnu Taghri Bardi 874H(1469M) menyebut dalam kitabnya yang berjudul al-Manhal al-Safi bahawa Ibnu Khasbik merupakan seorang ulama Mazhab Hanafi yang terkenal pada waktu itu. Beliau merupakan orang kanan kerajaan Mamluk dan seorang askar yang handal. Beliau juga seorang ulama

yang tinggi ilmunya dalam bidang fikah, bahasa arab dan usul fikah dan telah menyumbang dalam pelbagai bidang ilmu. Beliau menjawat jawatan mufti dan menjadi tenaga pengajar yang mempunyai pelajar yang ramai.

4. Taghri Barmash Al-Muayadi


Suasana pendidikan yang diterapkan dalam persekitaran kehidupan menjadikan seorang pemerintah Mamluk mampu memiliki penguasaan yang hebat gabungan antara tentera yang berkemahiran dengan status tinggi dalam ilmu agama. Ibnu Taghri menulis tentang putra Taghri Barmash al-Muayadi yang meninggal pada tahun 852H(1448M) merupakan ketua keselamatan wilayah Mesir dan berkeahlian dalam bidang fikah dan bermazhab Hanafi serta pada masa yang sama menjadi ketua keselamatan Istana Mamluk.

5. Alamudin Sanjar al-Turki

Antara Putra Mamluk yang hebat ialah Alamudin Sanjar al-Turki (mati: 699H/1300M) yang di sifatkan oleh Imam al-Zahabi sebagai putra hebat yang berilmu dan pakar dalam bidang hadis. Beliau mendalami ilmu hadis dengan berguru kepada ramai ulama, serta menguasai bidang usul fikah. Al-Zahabi menambah bahawa dua ulama paling terkenal dalam ilmu hadis pada masa itu iaitu al-Muzzi dan al-Barzali menulis mengenai putra Alamudin Sanjar al-Turki dalam bab khas dalam kitab hadis mereka.

KESIMPULAN

Kisah para Mamluk menunjukkan bahawa anak kecil yang dijadikan hamba bangkit menjadi penglima perang yang hebat dan ulama yang menjadi rujukan. Mereka tidak menghiraukan dengan asal-usul mereka yang hilang dalam buku keturunan oleh pedagang hamba tetapi mereka boleh berbangga dengan pencapaian mereka. Tamadun yang dibina oleh golongan Mamluk terdiri daripada reka bentuk bangunan yang tersergam unggul dan pusat-pusat wakaf yang makmur serta institusi-institusi ilmu yang masih berfungsi sehingga hari ini. Masjid Al-Azhar (Universiti al-Azhar) merupakan pencapaian para Mamluk yang paling hebat. Hingga kini telah menyumbang penyebaran ilmu dalam bentuk penghasilan graduan pengajian Islam keseluruh dunia dan masih menjadi tumpuan pelajar-pelajar Islam dari timur dan barat. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa pendidikan asas yang kukuh Mamluk melahirkan generasi muslim yang hebat. Demikianlah kebangkitan Kesultanan Mamluk dan terukir sejarah tentera hamba menjadi sebuah tamadun Islam yang perlu dicontohi.



Ibrah Ulama Dalam Gerakan Kemerdekaan

/Prof. Dr. Badlihisham bin Mohd Nasir

Kemerdekaan yang dikecapi oleh sesebuah negara sememangnya telah melalui perjalanan sejarah yang getir. Ia menawarkan ibrah atau pengajaran yang sangat bernilai bagi generasi hari ini. Khusus bagi mereka yang berfikir, perjalanan sebuah kemerdekaan itu sebenarnya boleh dirujuk kepada sirah perjuangan para Rasul yang dibangkitkan untuk menyembah Allah dan menjauhi segala Taghut seperti Firaun dan seumpamanya yang memperhambakan umat manusia. Perjuangan ini sesuai dengan makna Islam yang bermaksud tunduk kepada Allah yang natijahnya beroleh kesejahteraan kepada mereka yang beriman dan taat.

Isu ini bukanlah suatu rekayasa seperti yang sering ditonjolkan oleh Barat melalui aksi hero-hero manusia super di layer perak. Makhluk tanpa asal usul seperti Superman ditonjolkan menjadi penyelamat manusia, sedangkan semua tahu bahawa mereka lah yang menjajah manusia sejak ratusan tahun bahkan tanpa segan silu terus mahu menguasai dunia hingga hari ini. Tradisi Timur, khususnya Islam telah menegaskan peranan para Rasul mesti dijadikan sumber rujukan bagi mendapatkan ibrah kemerdekaan yang sebenarnya.

Firman Allah dalam Surah Yusuf ayat 111:

"Sungguh, pada kisah-kisah mereka itu terdapat pengajaran bagi orang yang mempunyai akal. (Al-Qur'an) itu bukanlah

cerita yang dibuat-buat, tetapi membenarkan (kitab-kitab) yang sebelumnya, menjelaskan segala sesuatu, dan (sebagai) petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang beriman".

Berbekalkan inspirasi kesimpulan surah Yusof di atas, Rasulullah telah menjelaki perjuangan para nabi terdahulu membebaskan manusia dari perhambaan sesama sendiri hingga berjaya membuka kota Mekah pada tahun ke 8 hijrah. Ia merupakan mercu tanda kemerdekaan yang sebenar dan hakiki dalam Islam. Isyarat kemenangan membebaskan sebuah negara seperti yang telah termaktub dalam Surah An-Nasr ketika pembukaan kota Mekah dijadikan ibrah oleh Khalifah Umar al-Khattab yang melanjutkan usaha membebaskan umat manusia dengan merujuk ianya sebagai suatu kemenangan atau Izzah yang Allah berikan berdasarkan dasar Islam. Beliau mengingatkan bahawa sekiranya umat Islam mencari kemerdekaan selain dari yang telah ditetapkan itu, maka mereka akan ditimpah kehinaan.

Sepeninggalan Khalifah al-Rashidun, ulama meneruskan perjuangan Nabi untuk misi merdeka yang hakiki. Pengembangan Islam melalui Futuhat berbeza dengan penjajahan Barat yang sarat dengan tujuan mencari kuasa dan kekayaan. Justeru itu, misi futuhat telah berjaya mengamankan wilayah yang didudukinya, bahkan rakyatnya memeluk Islam tanpa dipaksa. Ia gagal diulangi oleh mana-mana penjajah selepasnya kecuali mereka terpaksa menggunakan tipudaya dan kekerasan bagi menjayakan misi "pencerahan" kepada masyarakat dunia.

Para ulama sebenarnya sangat memahami perkara ini. Lantas, mereka bangkit menentang imperialis lebih awal dari golongan marhain yang digerakkan oleh Komunis dan Sosialis.

Oleh itu Mekah sekali lagi menjadi pusat melahirkan ulama seperti Sheikh Daud Fatani, Kiai Haji Ahmad Dahlan dan Haji Abdul Rahman Limbong yang menggerakkan kemerdekaan bangsa.

Para ulama sebenarnya sangat memahami perkara ini. Lantas, mereka bangkit menentang imperialis lebih awal dari golongan marhain yang digerakkan oleh Komunis dan Sosialis. Oleh itu, Mekah sekali lagi menjadi pusat melahirkan ulama seperti Sheikh Daud Fatani, Kiai Haji Ahmad Dahlan dan Haji Abdul Rahman Limbong yang menggerakkan kemerdekaan bangsa.

Penentangan yang dibuat atas nama Jihad itu diteruskan oleh ulama secara terorganisasi seperti penubuhan Jamiat Islamiah Fatani dan Sarekat Islam pada awal abad ke 20. Terdapat juga gerakan penentangan bersenjata rakyat seperti yang diketuai pembesar negeri seperti Dato Maharajalela, Tok Bahaman dan Dol Said. Mereka adalah di antara organisasi awal yang menentang Siam, Belanda dan British tanpa gentar sebelum tiupan semangatnya disambung oleh golongan reformis di Tanah Melayu.

Syed Sheikh Al-Hadi dan Sheikh Tahir Jalaluddin membawa pendekatan yang lebih moden apabila cuba membina pemikiran orang Melayu yang progresif dan mempelajari sains dan teknologi Barat bagi mencapai kemerdekaan. Terinspirasi oleh gerakan kebangkitan Islam Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Abduh dan Rashid Redha, para ulama di negara ini cuba menggabungkan ledakan kesedaran timur Tengah yang baru dengan realiti tempatan dalam sebuah parti siasah baru seperti melalui Hizb Muslimin pada 1948.

Seterusnya Biro Agama UMNO telah cuba memperjuangkan Islam dalam konteks kebangsaan. Walaupun Biro ini berpisah dengan menubuhkan Persatuan Islam Se-Malaya (akhirnya telah melahirkan Parti Islam

Se-Malaysia), aspirasi dan agenda Islam oleh para ulama dalam mempertahanan dan mengisi kemerdekaan terus berkumandang hingga ke hari ini. Tidak hairan jika nama-nama seperti Sheikh Abdullah Fahim, Sheikh Ahmad Said dan Hassan Azhari muncul ketika memilih tarikh, membaca doa dan melaungkan azan di perisytiharan kemerdekaan 1057.

Ringkasnya, peranan ulama dari seluruh nusantara mengembangkan usaha awal merebut kemerdekaan ini dirakam dalam pantun iaitu:

**Kalau roboh kota Melaka
Papan di Jawa kami dirikan
Kalau sungguh bagi dikata
Nyawa dan badan kami serahkan**

Jihad para ulama Islam akhirnya berbalas apabila Melaka yang terjajah sejak 1511 itu dapat dibebaskan. Sewajarnyalah kemerdekaan itu mengikut skema Islam iaitu perhambaan kepada Allah berbanding ketundukan kepada manusia. Semangat untuk megembalikan kegemilangan Islam yang diragut oleh penjajah perlu terus hidup subur. Ia jelas tersurat di pantun berikut;

**Di atas robohan Kota Melaka
Kita dirikan jiwa merdeka
Bersatulah segenap baka
Membela keadilan pusaka**

Generasi merdeka hari inilah yang bertanggungjawab untuk meneruskan perjuangan para ulama secara berhikmah. Segala yang tersurat dan tersirat perlu terus digali untuk mengambil ibrah, khususnya dalam mempertahankan kemerdekaan yang berdepan dengan pelbagai cabaran getir hari ini.

PELANTIKAN SEMULA DEKAN

Seluruh warga Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSH) mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Prof. Ts. Dr. Zaidatun binti Tasir di atas pelantikan semula sebagai Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSH), Universiti Teknologi Malaysia pada 29 September 2021.




WELCOME HOME ALUMNI SERIES 7

Welcome Home Alumni siri yang ke-7 pada 26 Oktober 2021 telah menjemput Dr. Nek Mah Batri sebagai Panel jemputan yang merupakan Alumni PhD Fiqh Sains dan Teknologi, UTM pada tahun 2017. Beliau kini merupakan seorang Pensyarah Bersekutu, Pusat Pendidikan Tinggi Al-Zuhri, Singapura. Program dikendalikan secara atas talian di FB Page oleh moderator Ila Nursalida Ali Amran yang merupakan Calon PhD di Akademi Tamadun Islam, FSSH, KL

WACANA INTELEKTUAL SIRI 2: SUSTAINING MALAYSIAN DEVELOPMENT THROUGH THE ENCULTURATION OF ETHICS AND VALUES

Wacana ini telah berlangsung pada 28 Oktober 2021 bersama panel jemputan Prof. Datuk Dr. Azizan Baharuddin yang merupakan Penyandang Kursi Kelestarian UKM-YSD, UKM, Malaysia.





Program ini berlangsung pada 23 November 2021 dan mendapat sambutan yang menggalakkan oleh pelajar antarabangsa dan tempatan. Objektif penganjuran program ini agar peserta dapat melakukan semakan tesis atau artikel yang ditulis daripada sebarang plagiat.

BICARA SENI: SURVIVAL KESENIAN & JAWI SEWAKTU DAN PASCA COVID-19



Pasca Pandemik Covid 19, pelbagai cabaran yang dihadapi termasuk dalam bidang kesenian, iaitu Khat Dan Jawi. Maka, pada 2 November 2021, pihak ATI telah menganjurkan sebuah perkongsian semasa tentang industri Khat & Jawi di Malaysia. Panel jemputan merupakan Pakar dalam bidang tersebut, iaitu

- **Ustaz Zuhud 'Ulya Iberahim** (Pengarah Galeri Khat Laguna)
- **Ts. Dr. Hafiza binti Abas** (Pensyarah Kanan UTM)
- **Dr. Abdul Rahman bin Hamzah** (Pensyarah Kanan FSSH, UTM merangkap YDP PSKK)

Perkongsian ini mendapat perhatian dari ramai pihak termasuk dari negara jiran seperti Indonesia, Singapura dan Brunei. Rentetan daripada program ini, terdapat sambungan bicara Seni Khat pada awal Tahun 2022 yang melibatkan beberapa negara jiran yang lain, iaitu negara Indonesia, Thailand Dan Brunei.



BENGKEL MENDELEY

Perisian Mendeley merupakan salah satu medium dalam membantu para pengkaji mendapatkan artikel dan rujukan yang tersusun. Maka, pada pada 26 Disember 2021, pihak ATI telah menjalankan program perkongsian berkaitan software ini oleh panel dan moderator daripada ATI sendiri, iaitu Dr. Kawthar Abdalla Bayoumi dan Dr. Fareed Awae. Selain itu, program ini dikendalikan dalam Bahas Arab serta mendapat sambutan dari pelajar Timur Tengah secara meluas terutama di FB live kerana boleh ditonton semula.

KOLOKIUM PENYELIDIKAN PENGAJIAN ISLAM ANTARABANGSA: CABARAN MASYARAKAT ISLAM DALAM MENGHADAPI PANDEMIK COVID-19 BERSAMA NEGARA JORDAN PADA 21 DISEMBRE 2021



Panel Utama adalah **Prof. Dr. Adnan Mahmud al-Assaf** (Dekan Fakulti Syariah, Universiti Jordan). Manakala, panel kedua, **Dr Diaya Ud Deen Deab Mahmoud Al Zitawi** (Pensyarah Kanan, ATI), serta moderator oleh **Dr. Fareed Awae** (Pensyarah Kanan, ATI). Julung-julung kali diadakan kolokium bersama negara Jordan dalam menyebarkan ilmu, membina jaringan kerjasama dan kepakaran selari dengan hasrat UTM dalam mengetengahkan kepakaran masing-masing di peringkat yang lebih berprestij dan antarabangsa. Kerjasama ini merupakan langkah awal dalam sebuah jaringan kerjasama yang bermanfaat kepada masyarakat dan ummah. Diharapkan jaringan bersama seperti ini dapat diteruskan.

PERKONGSIAN BERSAMA PELAJAR: MOTIVASI BELAJAR

Diadakan pada:
14 Januari 2022

**Anjuran:
Persatuan Pascasiswazah
Akademi Tamadun Islam.**

Panel Jemputan :
Dr. Sofiah Mohamed

The image features a woman with dark hair and a red patterned hijab, looking slightly to her left with a thoughtful expression. She is positioned on the right side of the frame. On the left side, there is a large, semi-transparent overlay of a Quranic verse in gold-colored Arabic script. The background behind her shows a room with shelves containing books and decorative items.

Panel jemputan merupakan alumni dari akademi Tamadun Islam dan juga merupakan ikon Konvokesyen UTM ke-62, selepas liku-liku perjalanan belajar beliau sebagai seorang ibu, seorang tenaga pengajar juga menghidap penyakit yang serius dicatatkan. Perkongsian beliau telah memberikan semangat dan dorongan kepada peserta untuk terus menyiapkan pengajian.



BENGKEL ILUMINASI DAN CORAK HIASAN ISLAM

Suatu bengkel kaligrafi telah dijadualkan pada 19 Februari 2022 untuk berlangsung di Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, namun ia telah ditunda ke tarikh baharu iaitu 26 Mac 2022. Penundaan ini disebabkan penularan COVID-19 pada waktu tersebut dan larangan aktiviti fizikal. Namun, program telah berlangsung dengan lancar pada tarikh baharu. Bengkel ini telah disampaikan oleh **Puan Nur Izzati binti Razali** yang mempunyai kepakaran luas dalam bidang kaligrafi dan pernah terlibat dalam pertandingan kaligrafi, sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Lebih dari 20 peserta telah hadir dan terlibat menjayakan program ini. Bengkel telah dijalankan selama lebih dari 3 jam. Belau telah berkongsi contoh-contoh kaligrafi dalam simpanan beliau, selain menunjukkan contoh penghasilan kaligrafi secara praktikal. Para peserta juga dibimbing secara terus dari beliau. Semoga para peserta berjaya mendapat manfaat dari bengkelini.

PERKONGSIAN BERSAMA PELAJAR TIPS & TRICK, TECHNICAL PROCEDURE



Proses perjalanan teknikal pengajian jarang dikongsikan, walhal teknikal begini sangat penting dan membantu para pelajar dalam menyusun perancangan mereka sepanjang tempoh pengajian siswazah dari awal pengajian iaitu pendaftaran sehingga tamat pengajian iaitu penghantaran Tesis. Justeru, pada **17 Februari 2022**, Persatuan Pasca siswazah Akademi Tamadun Islam telah menjemput **En. Muhammad Arafat bin Mohamed Yaman** yang telah bergelumang dalam mengurus urusan pelajar siswazah lebih dari 10 Tahun bagi berkongsi ilmu teknikal tersebut. Terdapat pelbagai soalan yang diajukan kepada panel jemputan serta diharapkan sesi perkongsian berkenaan teknikal ini, dikongsikan setiap awal semester sebagai ingatkan kepada pelajar.

PAMERAN DAN SEMINAR SENI KHAT & JAWI UTM 2022



Program Seminar Seni Khat dan Jawi UTM 2022 telah dianjurkan oleh Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, dan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, Universiti Teknologi Malaysia dengan kerjasama Persatuan Seni Khat Johor. Majlis Penutup telah diadakan pada 31 Mac 2022 yang dirasmikan oleh Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UTM, Prof. Dr. Zaidatun binti Tasir.



FORUM BICARA SENI 1: PENGHASILAN GAYA KHUSUS SENI KHAT MELAYU (9 FEB 2022)

Moderator:

Dr. Ahmad Muhyuddin Hj Hassan

Ahli Panel:

- **Prof. Madya Dr. Nor Azlin bin Hamidon**
(Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM)
- **Prof. Madya Dr. Abd Rauf bin Hassan**
(Akademi Tamadun Islam, FSSH, UTM)



FORUM BICARA SENI 2: PERKEMBANGAN DAN CABARAN SENI KHAT DI NUSANTARA (15 FEB 2022)

Moderator:

Prof Dr. Ajmain bin Safar

Ahli Panel:

- **Dr. Hj Adanan bin Hj. Basar**
(Ra'es, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) Brunei)
- **Dr. Didin Sirojuddin**
(Pengasas Lembaga Kaligrafi Al-Quran (LEMKA), Indonesia)
- **Dr. Abd Rahman bin Hamzah**
(Pensyarah kanan ATI merangkap Yang Dipertua Persatuan Seni Khat Kebangsaan)



FORUM BICARA SENI 3: SENI KHAT DAN TULISAN JAWI DI MALAYSIA: SEJAUH MANA PENERIMAAN DAN KEPERKASAANNYA (22 FEB 2022)

Moderator:

Dr. Abdul Basit bin Samat @ Darawi

Ahli Panel:

- **Prof. Emeritus Dr. Hj. Mohamad Bukhari bin Lubis**
- **Prof. Madya Dr. Adi Yasiran bin Abdul Aziz**

Bengkel khat ini telah berlangsung pada tarikh 15 dan 16 Mac 2022, dan disampaikan oleh **Ust Zamri bin Amid, Ust Jainal bin Sakiban, Ust Abdul Baki bin Abu Bakar** dan **Ust Fathi bin Rosely**. Panel yang dipilih merupakan pakar rujuk dalam bidang khat diperingkat Kebangsaan.

JAMUAN HARI RAYA KELUARGA ATI

Alhamdulillah, julung kalinya diadakan majlis secara bersemuka bersama staf dan pelajar Sarjana Muda Pendidikan Islam (SHPI) yang diketuai oleh saudara Wasiq Shukry (Pelajar SHPI, Tahun 2) pada 24 Mei 2022, bertempat di Dewan Kuliah 2, T08 dan Dataran ATI. Majlis sambutan jamuan hari raya ini bertemakan "Hari keluarga" bertujuan, ingin mengeratkan hubungan ukhuwwah dan Mahabbah antara pensyarah, staf sokongan juga pelajar.

BENGKEL KHAT (NASAKH, RIQ'AH, THULUTH, DIWANI)



KOLOKIUM PASCASISWAZAH AKADEMI TAMADUN ISLAM

Berlangsung pada 19 Jun 2022 di Perpustakaan Raja Zarith Sofiah (PRZS). Perkongsian telah disampaikan oleh penceramah jemputan khas, iaitu **Dr. Shaikh Mohd Saifudeen bin Shaikh Mohd Salleh**, Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), merangkap Professor Adjung ATI. Tajuk yang disampaikan adalah, "*Opportunities in Transdisciplinary Research for Islamic Studies*".

WAKIL SUKAN ATI

Tahniah dan terima kasih bagi staff yang mewakili Akademi Tamadun Islam (ATI) dalam acara, *UTM Staf Games*, pada 19 Jun – 23 Julai 2022.

Mereka mewakili ATI dalam acara sukan Badminton, Sepak Takraw, Petanque, Tenpin Bowling dan Woodball.

Lelaki:

Dr. Abdul Hafiz bin Abdullah, Dr. Abdul Basit bin Samat @ Darawi, Dr. Fareed Awae, Dr. Mohd Khairy bin Kamarudin, Dr. Muhd Talhah bin Ajmain @ Jima'ain, Dr. Mohd Naqib bin Hamdan, En. Muhamad Farid bin Mohamad dan En. Mohd Hazriq bin Yahaya.

Perempuan:

Dr. Nasiibah binti Ramli, Pn. Fadzilah binti Lasim dan Dr. Nur Najwa Hanani binti Abd. Rahman

ANUGERAH CANSELOR PELAJAR AKADEMI TAMADUN ISLAM

Dr. Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain, merupakan pelajar Doktor Falsafah dari Akademi Tamadun Islam, yang telah menerima Anugerah Canselor dan wakil pelajar berucap pada majlis Konvokesyen UTM kali ke-65 pada 25 Mei 2022. Dibawah seliaan penyelia utama beliau iaitu Dr. Ahmad Marzuki bin Mohamed dan penyelia bersama Dr. Aminuddin bin Hehsan telah menjadi asbab beliau juga menerima Anugerah yang lain dibawah Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan (FSSK) iaitu diberikan "Best Postgraduate Student" serta buku Tesis terbaik bagi keseluruhan pelajar.

Antara sebahagian ucapan beliau:

"Hidup ini sangat singkat untuk dibazirkan dengan marah, sedih, putus ada dan kecewa. Hidup ini ada tanggungjawab dan amanah. Para penuntut ilmu perlu terus belajar kerana Allah dan menyumbang semula kepada masyarakat, kerana kejayaan yang diterima di dunia ini sangat berkait dengan amal Soleh, kehadiran ibubapa, pasangan dan keluarga serta masyarakat sekeliling. Maka akhirnya, moga kejayaan kecil yang diberikan dalam hidup kita membuatkan diri makin dekat kepada Allah SWT dan mengharapkan Redho Allah SWT".

PROJEK INKUBATOR HALAL OLEH PROF. MADYA DR. AHMAD CHE YAAKOB PADA 26 JUN 2022




Pasukan penyelidik Innovation Centre in Agritechnology for Advanced Bioprocessing (ICA) telah mendapat pengiktirafan halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) apabila berjaya memperolehi Sijil Pengesahan Halal Malaysia bagi fasiliti Inkubator Halal Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)-Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kampus Pagoh yang ditubuhkan pada tahun 2020. Tarikh kelulusan bagi kesemua Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) JAKIM ini adalah bermula pada 1 Januari 2022.

Inkubator Halal KPT-UTM Kampus Pagoh merupakan satu-satunya inkubator seumpamanya di Malaysia yang menawarkan latihan dan bimbingan kepada usahawan IKS dalam mengeluarkan produk makanan berstatus halal. Fasiliti ini ditubuhkan dengan sokongan geran daripada KPT yang bertajuk "Program Potensi Pembangunan Sosio-Ekonomi Masyarakat Luar Bandar dengan mewujudkan Inkubator Bengkel Pengeluaran yang Menghasilkan Produk Makanan Berstatus Halal" yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Ahmad bin Che Yaacob (Pensyarah di Akademi Tamadun Islam, ATI UTM).

LITERATUR REVIEW WORKSHOP

Bengkel ini telah dianjurkan oleh pihak ATI dan dikendalikan oleh **Dr. Fareed Awae** sebagai moderator, manakala **Dr. Kawthar Abdalla Bayoumi** sebagai penceramah, pada 30 Julai 2022. Objektif daripada bengkel ini adalah ingin memberi pendedahan kepada para peserta akan kepentingan Sorotan Literatur, mengetahui jenis-jenis Sorotan Literatur, dan peserta mengetahui tips dan teknik penulisan Sorotan Literatur. Seterusnya, bengkel ini turut berharap para peserta dapat menerbitkan satu artikel diakhir program.



TEMUDUGA PENGAMBILAN PELAJAR SARJANA MUDA PENDIDIKAN ISLAM (PENGAJIAN ISLAM)

Pada: 13- 19 Julai 2022

Ikut serta seramai: 150 orang

Temuduga ini bertujuan untuk menilai calon-calon pelajar yang berpotensi untuk menyambung pengajian di peringkat Sarjana Muda Pendidikan (Pengajian Islam). Pada masa yang sama calon-calon yang ditemuduga juga perlu menjalankan sesi Mock-Teaching bagi menilai kaedah pengajaran. Calon-calon telah ditemuduga oleh panel-panel yang berkelayakan dan mempunyai pengalaman yang luas berlatarbelakang Pendidikan dan Pengajian Islam.

Moga semua calon memperoleh kejayaan dan dimudahkan urusan meuntut ilmu kerana Allah

PROGRAM PERBINCANGAN MEJA BULAT KOMUNITI CAKNA - SAUDARA KITA NEGERI JOHOR 2022


Tarikh: 18 Julai 2022

Anjuran:

Kumpulan Penyelidik (Research Grant, RG): Islam, Culture and Globalisation (ICG), Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, UTM.

Dengan kerjasama:

Pertubuhan Jaringan Harmoni dan Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Negeri Johor Darul Takzim.



Program yang dilaksanakan secara atas talian yang dihadiri oleh:

- **Ustaz Mohd Zamri Bin Kambari**, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Negeri Johor
- **Sheikh Dr Ustaz Hj Mohd Azman Bin Mohsin**, Dekan Dakwah Marsah/ Timbalan Pengurus Pertubuhan Sahabat Solawat Johor,
- **Muhammad Razif Shah Abdullah**, Presiden dan Pengasas Pertubuhan Jaringan Harmoni Johor
- **Ustaz Muhammad Ammar Abdullah**, Pengarah YADIM Johor, Ts.Dr Jaysuman Bin Puspanathan, Ahli Kehormat Pertubuhan Jaringan Harmoni Johor

Serta, ahli penyelidik dari UTM dan UKM.

Program ini bertujuan untuk membincangkan isu-isu yang berkait dengan saudara kita berteraskan sokongan sosial dalam komuniti di negeri Johor serta membincangkan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh saudara kita dalam komuniti Islam Johor. Selain itu, program ini juga membincangkan keperluan untuk memperkasakan saudara kita dengan sokongan sosial dari komuniti serta membina model sokongan sosial mualaf secara sistematik dan berkesan berteraskan sokongan sosial komuniti. Program ini adalah di bawah tajaan dana Geran Penyelidikan (FRGS), Kementerian Pengajian Tinggi.

STAFF AKADEMI TAMADUN ISLAM TELAH DINOBATKAN PENERIMA ANUGERAH INOVASI PERINGKAT FAKULTI DAN ANTARABANGSA UNIVERSITI.

Kajian berkaitan, Massive Open Online Courses (MOOC), Modul Keluarga Sejahtera Negeri Johor (MKSNJ), telah dibentangkan oleh pasukan Prof. Madya Dr. Fauzi Hussin, Dr. Aminudin bin Hehsan dan Dr. Juhazren bin Junaidi. Modul ini merupakan kerjasama antara pihak Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) dan UTM bagi membangunkan modul pembelajaran keibubapaan kepada non muslim secara online.

Antara anugerah yang telah diterima adalah:

- 1) Sijil dan Gold Medal Award sempena FSSH, UTM Research & Innovation Competition 2021 - Implimentasi Modul Keluarga Sejahtera Negeri Johor melalui pelantar UTM-MOOC
 - 2) Sijil dan Silver Medal Award sempena FSSH, UTM Research & Innovation Competition 2021 - Projek Pembangunan Modul Keluarga Sejahtera Negeri Johor
 - 3) Sijil dan Gold Medal Award sempena Invention, Innovation & Design On E-Learning (IIDEL) Competition - International University Carnival On E-Learning (IUCEL) 2022

Syabas dan tahniah!

Semoga modul ini dapat memberi manfaat kepada keluarga di negeri Johor dan semua pihak amnya.



A BIBLIOMETRIC ANALYSIS REVIEW WORKSHOP

Penulisan kertas konsep menggunakan kaedah analisis Bibliometrik merupakan gaya penulisan yang masih baru dalam dunia Akademia. Maka, pihak Akademi Tamadun Islam (ATI) juga ingin mengetengahkan kaedah penulisan gaya ini kepada para pengkaji dan pelajar agar terus mengikuti rentak penulisan gaya akademik yang semasa. Program ini dikendalikan oleh **Dr. Hassan AbuHasna** (Pensyarah Kanan, Sekolah Bahasa UTM) dan dikendalikan oleh moderator, **Dr. Fareed Auae** (Pensyarah Kanan, ATI) pada 7 Ogos 2022. Peserta yang ikut serta seramai 25 orang, dengan menggunakan platform Webex. Lanjutan daripada program ini, terdapat peserta yang telah mula menulis dan dalam fasa menyiapkan hasil penulisan mereka menggunakan kaedah penulisan gaya ini.

FORUM INTELEKTUAL DIRAJA UTM: MEMBUDAYAKAN KETINGGIAN ADAB DALAM MELESTARIKAN KETAMADUNAN ILMU

Forum Intelektual Diraja telah berlangsung pada **9 Ogos 2022** bertempat di Perpustakaan Raja Zarith Sofiah. Pihak Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berbesar hati dengan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Al Mutawakkil Alallah Shah Permaisuri Johor ke forum yang Ketinggian selaku Canselor UTM ke forum tersebut yang mengetengahkan tajuk **“Adab dalam Melestarikan Ketamadunan Ilmu”**. Forum anjuran Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan ini bertujuan untuk menyerlahkan wawasan Islam dalam membentuk sebuah masyarakat yang berakhhlak baik dan berintegriti. Selain itu juga forum ini menerangkan peranan Islam berkenaan akhlak, etika dan moral sebagai asas bagi memastikan *maqasid syariyyah* (objektif syariah) dapat dilaksanakan menerusi pendekatan Islam yang komprehensif dan efektif serta membincangkan peranan pemimpin-pemimpin masa hadapan dan pelbagai pemegang taruh dalam mengukuh dan memastikan nilai dalam Rukun Negara dan hala tuju Wawasan Kemakmuran bersama 2030 tidak dipinggirkan.



Turut bersama Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah

JARINGAN AWAL DAN PERKONGSIAN ILMU BERSAMA NISANTASI UNIVERSITI, ISTANBUL TURKI

Menjadi salah satu tugas pensyarah adalah membina jaringan dengan pihak luar Universiti. Maka, jaringan awal kerjasama antara pihak ATI UTM dan Nisantasi Universiti telah terjalin pada 5 Ogos – 13 Ogos 2022, wakil kerjasama dari pihak Nisantasi University adalah Naib Canselor sendiri, **Prof. Dr. Nail Öztaş** serta wakil daripada ATI merangkup Pengarah program ini iaitu **Dr. Muhammad Talhah bin Ajmain @ Jima'ain** (Pensyarah Kanan, ATI). Kolaborasi awal ini memberi ruang kepada masing-masing berkongsi peluang dan kelebihan yang ada di institusi serta Fakulti. Ketua bagi wakil pelajar iaitu saudari Fatin Nabila binti Hassan turut mengambil peluang melakukan kajian PhD beliau berkaitan Motivasi belajar Sejarah Islam zaman Turki Uthmaniah dalam tempoh lawatan ini. Turut bersama dalam rombongan kajian ini seramai 45 orang pelajar daripada Universiti awam di Malaysia.





SETINGGI-TINGGI

Tahniah

DIUCAPKAN

Prof Dr. Arieff Salleh bin Rosman

di atas perlantikan sebagai **Pengarah Pusat Islam (UTM)** yang akan berkuatkuasa: pada **26 Mac 2022** hingga **25 Mac 2024**.



SETINGGI-TINGGI

Tahniah


DIUCAPKAN

Profesor Dr. Farahwahida Mohd Yusof

di atas perlantikan sebagai **Pengarah Pusat Penyelidikan Fiqh, Sains & Teknologi (CFirst, UTM)** yang akan berkuatkuasa: pada **15 September 2021** hingga **14 September 2023**.



UMRAN- International Journal of Islamic and Civilizational Studies



Link: <https://jurnalumran.utm.my/>

UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies (e-ISSN 2289-8204) ialah jurnal dalam talian yang diterbitkan oleh UTM Press dan diuruskan oleh Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia.

UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies (EISSN 2289-8204) ialah jurnal berwacana dalam talian yang diterbitkan oleh UTM Press dan diuruskan oleh Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

UMRAN mula menerbitkan artikel dalam talian pada tahun 2014 dengan kekerapan tiga (3) terbitan setahun (Mac, Julai dan November). Ia berfungsi sebagai platform untuk ahli akademik dan penyelidik untuk menerbitkan penemuan penyelidikan dan menyebarkan ilmu berkaitan Pengajian Islam dan ketamadunan.

UMRAN menerima manuskrip dan kertas penyelidikan tentang Sejarah Islam, Kebudayaan dan Tamadun Islam, Falsafah dan Pemikiran Islam, Tasawuf dan Teologi, Politik dan Ekonomi Politik Islam, Ekonomi dan Kewangan Islam, Pengurusan Islam, Undang-undang dan Fiqh Islam, Kesenian Islam, Sains dan Teknologi Fiqh serta Pendidikan Islam.

Senarai Graduan Sarjana Falsafah dan Doktor Falsafah: Konvokesyen ke-64 (11 Disember 2021)

NO	NAMA PENUH	MASTER/PHD	NAMA SV/CO-SV	TAJUK TESIS
1	MOHD HIDRIS BIN SHAHRI	DOKTOR FALSAFAH 2021/2022/1	JIMA'AIN BIN SAFAR	CIRI KEPIMPINAN ISLAM MENERUSI KITAB RYAD ALSALIHIN KARANGAN IMAM AL NAWAWI
2	WAHYU RAMAYENI BINTI IDRUS SUTAN NAMEH	SARJANA FALSAFAH 2021/2022/1	SULAIMAN SHAKIB BIN MOHD NOOR	HUBUNGAN ANTARA KONSEP KENDIRI DENGAN KECERDASAN EMOSI DALAM KALANGAN PEGAWAI AWAM MUSLIM BAHAGIAN TRAFIK BUKIT AMAN
3	AHMAD ABDULAZIZ JASEM HUMAID ALZAABI	DOKTOR FALSAFAH 2021/2022/1	NURAZMALLAIL BIN MARNI	JUDICIAL REVIEW OF ADMINISTRATIVE DECISION IN THE UNITED ARAB EMIRATE AND ISLAMIC JUDICIAL SYSTEM
4	NORIZAN BINTI HASSAN	DOKTOR FALSAFAH 2021/2022/1	HUSSIN BIN SALAMON	KERANGKA KOD ETIKA ISLAM DALAM SEKTOR TEKNOLOGI HIJAU
5	NOR AFIZAH BINTI BUJANG	SARJANA FALSAFAH 2021/2022/1	ZILAL BINTI SAARI	KESEDIAAN DAN AMALAN GURU PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP PENGAJARAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI.
6	IHSAN MUHIDIN	DOKTOR FALSAFAH 2021/2022/1	NASRUL HISYAM BIN NOR MUHAMAD	KONSEP WASATIYYAH DALAM PELAKSANAAN SYARIAH DI SINGAPURA
7	ANEES M. KHALIFA ABD ALDAIM	DOKTOR FALSAFAH 2021/2022/1	SULAIMAN SHAKIB BIN MOHD NOOR	NEGATIVE MOTIVES OF SMOKING AS A MEDIATOR IN THE RELATIONSHIP BETWEEN THE EFFECT OF CIGARETTE SMOKING ADDICTION AND SOCIAL PHOBIA AMONG ARAB MUSLIM

8	ZAIHAN BINTI RAMLI	SARJANA FALSAFAH 2021/2022/1	AMINUDIN BIN HEHSAN	PERMASALAHAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA NEGERI JOHOR BERASASKAN PENDEKATAN AL-GHAZALI
9	MOHAMMED ALI NASR ALSHAEBI	DOKTOR FALSAFAH 2021/2022/1	AHMAD BIN CHE YAACOB	REQUIREMENTS FOR THE TRANSFORMATION OF ISLAMIC BANKING AND ITS IMPACT TO THE LIBYAN BANKS IN THE ASPECTS OF ISLAMIC ACCOUNTING STANDARDS
10	SYAKIRAH BINTI ZAHAR	SARJANA FALSAFAH 2021/2022/1	FARAHWAHIDA BINTI MOHD YUSOF	SIKAP WANITA ISLAM TERHADAP AMALAN PERKONGSIAN SUSU IBU DALAM TALIAN
11	MAJED SULAIMAN NASSER SLAYEM ALMASKARI	DOKTOR FALSAFAH 2021/2022/1	NURAZMALLAIL BIN MARNI	THE IMPACT OF HUMAN RESOURCES MANAGEMENT IN IMPROVING THE EMPLOYEE PERFORMANCE AND ITS ROLE IN ISLAMIC CIVILIZATIONAL PROGRESS OF HEALTH SECTOR IN THE EMIRATE OF ABU DHABI
12	ABDULKARIM ABDULLA HUSSAIN ABDULLA ALHARTHI	DOKTOR FALSAFAH 2021/2022/1	NURAZMALLAIL BIN MARNI	THE IMPACT OF TRAINING ON THE HUMAN RESOURCES PERFORMANCE AND ITS ROLE IN THE PROGRESS OF ISLAMIC CIVILIZATION IN THE MINISTRY OF EDUCATION IN THE UNITED ARAB EMIRATES
13	ASMA ABDELHAMED ABDULSALAM ELMBAGA	SARJANA FALSAFAH 2021/2022/1	AHMAD KILAN @ AHMAD KILANI BIN MOHAMED	THE PROTECTION OF ENVIRONMENT IN THE LIBYAN LAW IN THE LIGHT OF HUMAN RIGHTS AND ISLAMIC SHARI'AH
14	MUKHAMAD SHOKHEH	DOKTOR FALSAFAH 2021/2022/1	MANSOUREH EBRAHIMI	THE ROLE OF CIVIL SOCIETY MOVEMENT TOWARD DEMOCRATISATION IN INDONESIA AND EGYPT
15	ALSHAMMARI, ABDULLAH FARHAN F	SARJANA FALSAFAH 2021/2022/1	ABDUL HAFIZ BIN ABDULLAH	TRANSFORMATIONAL LEADERSHIP IN ISLAMIC NON-PROFIT ORGANIZATION AT THE NORTHEN BORDER REGION-SAUDI ARABIA

Senarai Graduan Sarjana Falsafah dan Doktor Falsafah: Konvokesyen ke-65 (25 Mei 2022)

NO	NAMA PENUH	MASTER/PHD	NAMA SV/CO-SV	TAJUK TESIS
1	RUHAYATI BINTI RAMLY	DOKTOR FALSAFAH 2021/2022/2	KAMARUL AZMI B. JASMI	AMALAN PELAKSANAAN PENGAJARAN KELAS KHAS KEMAHIRAN MEMBACA DAN MENGHAFAZ AL-QURAN
2	SITI FATIHAH BINTI OSMAN	DOKTOR FALSAFAH 2021/2022/2	WAN HASSAN BIN WAN EMBONG	KEFAHAMAN DAN AMALAN PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM MENINGKATKAN PEMIKIRAN KRITIS PELAJAR DI SEKOLAH MENENGAH LUAR BANDAR
3	ABDULRAHMAN AHMED ABDULLA MOHAMED ALSUWAIDI	DOKTOR FALSAFAH 2021/2022/2	ARIEFF SALLEH BIN ROSMAN	LAWSUIT MANAGEMENT IN UNITED ARABIC EMIRATES JUDICIAL SYSTEM FROM THE PERSPECTIVE OF ISLAMIC JURISPRUDENCE
4	HAKIMAH BINTI MUHAMMAD ZIN	DOKTOR FALSAFAH 2021/2022/2	HUSSIN BIN SALAMON	REGULATORY FRAMEWORK FOR ISLAMIC RETAIL HIRE-PURCHASE IN ISLAMIC FINANCIAL INSTITUTIONS
5	MUHAMMAD TALHAH BIN AJMAIN @ JIMA'AIN	DOKTOR FALSAFAH 2021/2022/2	AHMAD MARZUKI BIN MOHAMED	PELAKSANAAN KOMPOSISI PENGAJARAN SIRAH TERHADAP KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI
6	SULTAN ABDULAZEEZ JASIM HUMAID ALZAABI	DOKTOR FALSAFAH 2021/2022/2	NURAZMALLAIL BIN MARNI	THE IMPACT OF COMMUNITY SERVICES QUALITY IN ABU DHABI CITY MUNICIPALITY ON THE CIVILIZED SOCIETY SATISFACTION
7	MARIAM ABDULAZEEZ JASEM HUMAID ALZAABI	DOKTOR FALSAFAH 2021/2022/2	NURAZMALLAIL BIN MARNI	THE IMPACT OF SOCIAL NETWORKS ON SOCIAL POLICY MAKING IN THE UNITED ARAB EMIRATES
8	HUMAID ABDULAZIZ JASEM HUMAID ALZAABI	DOKTOR FALSAFAH 2021/2022/2	NURAZMALLAIL BIN MARNI	THE ROLE OF RISK MANAGEMENT STRATEGIES ON INSTITUTIONAL PERFORMANCE FROM THE PERSPECTIVE OF ISLAMIC LAW
9	KHALD SAED HUSSIEN KAGMAN	SARJANA FALSAFAH 2021/2022/2	AZAHAR BIN YAAKUB @ ARIFFIN	THE ROLE OF THE LIBYAN WORLD ISLAMIC CALL SOCIETY IN DA'WAH IN MALAYSIA
10	MOHD HASLI BIN RAMLI	SARJANA FALSAFAH (HALAL SCIENCE) 2021/2022/2	ARIEFF SALLEH BIN ROSMAN	TITIK KAWALAN KRITIKAL HALAL DALAM SISTEM JAMINAN HALAL DI LADANG PENTERNAKAN AYAM PEDAGING

Senarai Graduan yang menerima “Best Student” pada sesi 2022

- 1) **Muhammad Talhah bin Ajmain @ Jima'ain** dibawah seliaan Dr. Ahmad Marzuki bin Mohamed & Dr. Aminudin bin Hehsan (PhD)
- 2) **Areef A. Mayuf Husin** dibawah seliaan Dr. Idris bin Ismail & Prof. Madya Ahmad Kilan @ Ahmad Kilani Mohamed (Master)
- 3) **Alshammari, Abdullah Farhan F** dibawah seliaan Dr. Abdul Hafiz bin Abdullah (Master)

Senarai Graduan yang menerima “Best Student” pada sesi 2021 - 2022



Penerima anugerah “Best Postgraduate Student” serta Tesis terbaik, **Dr. Muhammad Talhah bin Ajmain @ Jima'ain**. Penyerahan oleh Dekan Fakulti, **Prof. Ts. Dr. Zaidatun binti Tasir** diiringi oleh **Prof. Madya Dr. Azlina binti Mohd Kosnin**, serta penyelia **Dr. Ahmad Marzuki bin Mohamed, Dr. Aminudin bin Hehsan**.

PROF. MADYA DR. KAMARUL AZMI BIN JASMI



Dilahirkan pada 28 Jun 1973. Beliau menyambung pendidikan di Universiti Malaya (UM) pada tahun 1994 sehingga 1998 dalam bidang Pendidikan Islam. Kemudian melanjutkan pengajian sarjana di Universiti yang sama (2000-2003) serta menyambung pengajian tertinggi diperingkat Doktor Falsafah di UKM (2006-2020). Beliau merupakan **ketua research group (RG) bagi Islamic Educational Thought and Methodology (IETM)**. Kepakaran beliau dalam bidang Pendidikan Islam dan penulisan. Dua buah buku beliau iaitu Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam Al-Nawawi dan Wanita Berkerjaya yang Cemerlang telah dinobatkan sebagai buku Anugerah Penerbitan (Anugerah Buku Karya Asli) dalam Bidang Sains Sosial di Citra Karisma 2022.

PROF. MADYA DR. SITI NORLINA BT MUHAMAD



Dilahirkan pada 23 November 1969 di Kota Bharu, Kelantan. Mendapat pendidikan awal di SK Paya Bemban, Kota Bharu (1976-1980), kemudian ke SMA Maahad Muhammad (P), Kota Bharu (1981-1982), SMKA Naim Lil Banat, Kota Bharu (1983-1984), Sek Men Agama Wilayah Persekutuan (SMAWiP), Petaling Jaya (1985-1986), seterusnya ke Pra Akademi Islam Nilam Puri Kelantan (1987-1988) dan Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya (1989-1993). Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Usuluddin dari Universiti Malaya pada tahun 1998 dan Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Islam dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2011. Bidang kepakaran beliau ialah Psikologi dan Psikoterapi Islam. Mula berkhidmat sebagai pensyarah di UTM pada tahun 2000 di Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (kini Akademi Tamadun Islam) UTM. Kini beliau dilantik menjadi **ketua research group (RG) dalam Islamic, Culture Globalization (ICG)**. Beliau juga turut dilantik oleh Menteri Kesihatan Malaysia (MKM) sebagai salah seorang ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri.

DR. MOHAMMAD NAQIB HAMDAN



Dilahirkan pada tanggal 23 April 1988 di Klang, Selangor. Menerima Pendidikan di peringkat sarjana muda syariah di Universiti Al-Azhar, Mesir. Kemudian menyambung pengajian Sarjana dan Doktor falsafah (P.hD) di Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur. Pernah berkhidmat di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) sebagai pembantu penyelidik pada tahun 2016 serta pensyarah di Kolej Teknologi Darulnaim Kuala Lumpur (2017-2019). Kini menjawat jawatan sebagai pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bermula pada Jun 2019 serta menjadi **ketua research group (RG) dalam Syariah, Law and Economy (SLEC)**. Kepakaran bidang beliau dalam Halal daging Kultur.

MUHAMAD FARID BIN MOHAMAD ISA



Dilahirkan tanggal 7 Jun 1994 di Hospital Batu Pahat. Mendapat pendidikan diperingkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Paloh, Kluang (SMKP), serta menyambung pengajian sekolah tinggi iaitu Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) juga disekolah yang sama. Mula berkhidmat di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada Disember 2019 sebagai Pembantu Operasi N11 dan menjalankan tugas tugas berkaitan pentadbiran am sehingga kini.

IKLAN

Kemasukan pelajar Sarjana dan Kedoktoran ke Akademi Tamadun Islam.

SEKOLAH PENDIDIKAN
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

PANGGILAN KEMASUKAN
PERMOHONAN DIBUKA

**SEMESTER 1
2022/2023**

Kod & Nama Program
Sarjana Pendidikan (Pengajian Islam)
MHPIA2AJA

Mod Pengajian
Mod Campuran (Kerja Kursus dan Penyelidikan)

Kampus
UTM Johor Bahru

Tempoh Pengajian
Minimum 3 Semester

MAKLUMAT LANJUT
qamar@utm.my
situsuhaila@utm.my
ahehsan@utm.my

MOHON SEKARANG
<https://admission.utm.my/apply-now/>

EDUCATING & HUMANIZING Humanities at UTM

5 Star
QS University Ranking
TOP 400 Best
Universities in Asia
TOP 23 Best
Universities in Malaysia

www.utm.my | @utm_my | @utm



Akademi Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia
81300 UTM Johor Bahru
Johor Darul Takzim, Malaysia
Tel: 607-555 7960
607-555 7670
Email: atifssk@utm.my